

Oklahoma State University Berminat Hantar Pelajar Ke M'sia

Mar 19, 2015



Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa menerima kunjungan rombongan Persatuan Alumni Oklahoma State University di pejabatnya di sini hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA – Oklahoma State University (OSU) menyatakan minat untuk menghantar pelajarannya ke Malaysia bagi mengikuti pendedahan dan program sangkutan jangka pendek di pelbagai institusi semasa cuti musim panas.

Presidennya, Burns Hargis berkata OSU berminat untuk menghantar pelajarinya ke Malaysia berikutan hubungan sangat baik universiti itu dengan Malaysia selain jumlah pelajar Malaysia yang banyak di universiti berkenaan.

“Malaysia satu daripada negara terbesar (jumlah pelajar) di OSU pada 80-an dan 90-an. Oleh itu, kami ingin menghantar lebih banyak pelajar kami ke Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, yang juga alumni OSU.

Hargis turut mengalu-alukan lebih banyak pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke OSU.

Ali berkata dalam perbincangannya dengan delegasi OSU, Hargis membangkitkan isu berkaitan permohonan visa untuk pelajar universiti itu datang ke Malaysia semasa cuti musim panas.

“Malaysia mengalu-alukan pelajar antarabangsa OSU dan saya akan meneliti urusan permohonan visa antarabangsa pelajar. OSU memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang untuk bekerjasama dengan beberapa universiti dan agensi kerajaan di Malaysia,” katanya.

Ali memperoleh ijazah Sarjana Ekonomi daripada OSU pada 1986 diikuti Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Alam Sekitar dan Ekonomi pada 1997. – BERNAMA